

## SOALAN LAZIM (FAQ)

### SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN GERAN BANTUAN KHAS SECARA RM3000.00 DI BAWAH INISIATIF PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT DAN PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH) BAGI SYARIKAT PENGENDALIAN PELANCONGAN YANG BERLESEN DI BAWAH MOTAC

1. Adakah semua syarikat pengendali pelancong layak untuk Bantuan Kewangan Geran Bantuan Khas sebanyak RM3,000 di bawah inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)?

**Ya. Semua syarikat yang memegang lesen perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan yang memenuhi syarat layak memohon bantuan ini.**

2. Syarikat saya telah menerima bantuan kewangan RM3,000 menerusi inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA). Adakah syarikat saya perlu mengemukakan permohonan semula bagi bantuan kewangan PEMULIH ini?

**Tidak perlu. Syarikat perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan yang telah menerima bantuan kewangan RM3,000 di bawah inisiatif PEMERKASA adalah layak secara automatik bagi bantuan PEMULIH dan tidak perlu membuat permohonan.**

3. Adakah lesen syarikat yang telah tamat tempoh sebelum/ pada 31 Disember 2019 layak menerima bantuan ini?

**Tidak layak sekiranya permohonan pembaharuan lesen dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PEMERKASA & PEMULIH 2021 (17 Mac 2021 sehingga 15 Oktober 2021). Syarikat yang tamat tempoh mulai 1 Januari 2020 hingga 15 Oktober 2021 hanya layak dipertimbangkan sekiranya telah mengemukakan permohonan pembaharuan dengan Pejabat MOTAC Negeri pada atau sebelum 15 Oktober 2021 dengan syarat semua dokumen pembaharuan telah lengkap dihantar dan fi proses telah dibayar.**

4. Adakah syarikat yang mempunyai kompaun tertunggak layak menerima bantuan ini?

**Syarikat yang mempunyai kompaun tertunggak yang dikeluarkan oleh MOTAC di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] dan telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan masih layak menerima bantuan ini.**

5. Adakah Bantuan Kewangan Geran Bantuan Khas sebanyak RM3,000 Di Bawah Inisiatif PEMULIH ini dikategorikan mengikut jenis lesen syarikat?

**Tidak. Semua syarikat yang memegang apa-apa jenis lesen layak memohon seperti syarat yang ditetapkan (*inbound/outbound/ ticketing/umrah*).**

6. Sekiranya syarikat saya yang mempunyai 1 atau lebih cawangan, adakah setiap cawangan layak memohon bantuan ini?

**Tidak. Setiap syarikat pengendali pelancongan yang berlesen hanya layak mengemukakan satu (1) permohonan sahaja walaupun syarikat mempunyai satu (1) atau lebih cawangan.**

7. Jika terdapat syarikat pengendali pelancongan yang tidak layak menerima bantuan ini berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh MOTAC, adakah syarikat tersebut boleh membuat rayuan kepada MOTAC?

**Hanya syarikat pengendali pelancongan berlesen yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini. Keputusan adalah muktamad dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.**

8. Sekiranya ada pertanyaan lanjut berkenaan dengan bayaran bantuan RM3,000.00 di bawah inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), bagaimanakah orang ramai boleh mendapat maklumat?

**Makluman berkenaan inisiatif PEMULIH ini akan diumumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi dan Facebook rasmi MOTAC. Orang ramai juga boleh menghubungi Pejabat MOTAC Negeri yang berdekatan.**

9. Di manakah syarikat perlu mengemukakan Borang PEMULIH TOBTAB dan dokumen sokongan yang lain bagi menerima bantuan ini?

**Syarikat pengendali pelancong yang layak perlu mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan yang lain melalui borang atas talian. (<http://motac.gov.my/pemulihmotac2021>)**

10. Adakah syarikat pengendali pelancongan boleh mewakili cawangannya mengemukakan permohonan bagi ibu pejabatnya?

**Tidak. Hanya Ibu pejabat syarikat induk sahaja yang layak menerima bantuan ini.**